



# SUARA BANDARAYA

Disember 1988

ISSN 0128-1194



## Imbasan Kembali Tahun Lalu Dan Harapan Masa Depan

Saya rasa sungguh gembira kerana dapat mengimbas kembali perkembangan yang berlaku dalam tahun 1988 ... terutama sekali kejayaan-kejayaannya, dan menyatakan aspirasi dan harapan saya untuk tahun yang akan datang.

1988 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Walaupun kita telah mencapai beberapa kejayaan, kita masih perlu bekerja keras untuk mengatasi masalah-masalah yang terus menjelaskan perkembangan bandaraya kita yang indah ini.

Berdasarkan matlamat inilah maka kita telah menyediakan belanjawan untuk tahun depan yang berorientasikan keperluan wargakota Kuala Lumpur. Penekanan akan ditumpukan terhadap perumahan awam, projek-projek sosial dan rekreasi serta penguatkuasaan undang-undang.

Kita bercadang untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, jadi tumpuan kita ialah terhadap pembangunan

sosial dan kemudahan sukan, mengadakan perpustakaan awam dan lain-lain kemudahan. Lebih \$20 juta telah diperuntukkan bagi pembelanjaan untuk perumahan awam dan perbelanjaan operasi untuk tahun depan telah ditambah sebanyak \$22.8 juta. (Lihat muka 4).

Penyelidikan menunjukkan bahawa jika kita ingin mencapai matlamat, 380,000 orang penghuni pusat bandaraya menjelang tahun 2000, kita perlukan tambahan 3,580 unit rumah setahun, untuk menampung penduduk yang bertambah. Kita menawarkan berbagai insentif kepada para pemilik dan pemaju tanah sebagai sebahagian daripada usaha-usaha kita untuk merangsang pembangunan perumahan.

Salah satu strategi masa depan kita ialah untuk memajukan sistem pengangkutan bandar bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan pusat-pusat bandar

Bersambung di muka 3



Dato' Elyas Omar: 1988 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran.

Matlamat DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya dalam taman dengan menukar wajah dari hutan batu kepada sebuah bandaraya yang indah.



# Kandungan



## Muka Surat

Imbasan Kembali Tahun Lalu Dan Harapan Masa Depan	1
DBKL Belanjakan \$408 Juta Untuk Kesejahteraan Wargakota	4
Bagaimana Kuala Lumpur Pada Tahun 2000	6
Lampu Tenaga Suria	10
Belia Berpeleseran: Apakah Puncanya?	11
Sejauh Manakah Kesan Budaya Penjaja?	12
Pusat Pemulihan Dadah	13
Pesta Di Kuala Lumpur	14
DBKL Juara Hiasan Lampu	16
Pesta Mingguan Di Sulaiman Court	16
Kemudahan Rekreasi Di Taman Tasik Titiwangsa	17
DBKL Kendali Bekalan Gas Ke Rumah Pangsa	20
Pokok Semarak Untuk Laman MAS	21
Pelancaran 'Family Fest' Wangsa Maju	22
Stadium Dalam Taman Di Bandar Tun Razak	22
Wangsa Maju Menawarkan Kemewahan Kehidupan Moden	23
Loji Bakar Sampah Bekal Elektrik Ke Bandaraya	24
Alat Pencuci Pinggan-Mangkuk Penjaja	25
Larian Mengejar Masa	26
Pencen Dan Ganjaran Jamin Sara Hidup Pesara	28
Jogathon Kutip Derma Untuk Orang Pekak	28
Insurans Berkelompok Diperkenalkan	29
Keselamatan Pengguna Jalan Raya Diutamakan	30
Kuala Lumpur Ubahsuai Had Laju Kenderaan	31
Konvensyen Letak Kereta Pertama Di Australia	32
Persatuan Penduduk Dapat Bantuan Perpaduan Menerusi Budaya Penjaja	33
Kilang Murah Untuk Pengusaha Makanan	34
Berbagai Aduan Diterima Setiap Hari	34
	35

## Muka Surat

Pungutan Sampah Berasingan Di Bangsar Dan Damansara	36
Bina Semangat Di Bukit Fraser	37
Kursus Kendali Mesyuarat	37
Hari Penguatkuasa Ke-19: Wujud Persefahaman Dan Prestasi Kerja	38
Kelab UMI Seri Sabah Melawat Kedah	40
Bantuan Untuk Anak-Anak Pekerja	40
Lawatan Ke Paris Untuk Projek Velodrom	41
Melanjutkan Pelajaran Ke Luar Negeri	42
Lawatan Sambil Belajar Ke Jepun Dan Hong Kong	42
Haji Ghani Bentang Kertas Kerja Di Beijing	43
Kursus Ucapan Yang Berkesan Di Port Dickson	44
Pegawai Penyelaras Melawat Pantai Timur	45
Seminar Perhubungan Awam Di Singapura	45
Kesihatan – Rubella	46
Agama – Kekuatan Imam Dapat Melawan Godaan Syaitan	47
Syrik: Dosa Besar Tidak Diampunkan Allah	
Majlis Maulidur Rasul	
Hiduran Semula Tulisan Jawi	49
Sekitar Lawatan	50
Profail	52
Tahniah Dato' Elyas Omar	52
Kenaikan Pangat, Meletak Jawatan, Persaraan, Meninggal Dunia dan Pertukaran	54
Rombongan Kebudayaan Ke Texas	59
Kompleks Sukan Di Semua Rumah Pangsa	60
Skim Tajaan Tong Sampah Jimat \$40,000 Setahun	61
Piala Malaysia – Kuala Lumpur Cemerlang	62
The Year In Review And The Future	64

## Imbasan Kembali Tahun Lalu Dan Harapan Masa Depan

Dari muka depan

baru. Kita ingin menyediakan kemudahan yang maksimum untuk kenaikan orang ramai dan pengangkutan barang-barang, berulang-alik ke Kuala Lumpur. Projek-projek pengangkutan bandar perlu menyokong matlamat dan objektif pembangunan perindustrian dan sosial bandaraya metropolitan Kuala Lumpur.

Salah satu matlamat utama DBKL ialah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar dalam taman. Dalam beberapa tahun yang lalu, kita telah berjaya menukar wajah Kuala Lumpur dari sebuah hutan batu bata menjadi sebuah bandaraya yang indah, dengan melaksanakan projek-projek senitaman, taman bunga dan taman rekreasi, serta mengindahkan tebing sungai. Walaupun kita kekurangan wang, kita dapat meneruskan usaha-usaha kita untuk menaikkan imej bandaraya dan meninggikan mutu penghidupan penduduknya.



Matlamat utama DBKL ialah untuk mempertingkatkan kemudahan perumahan, sistem pengangkutan dan kemudahan-kemudahan rekreasi di bandaraya.

Saya percaya dan saya berharap, menerusiusaha-usaha gigih ini, kita akan dapat membangunkan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya yang unik. Kita tidak mahu Kuala Lumpur menjadi sebuah pulau mewah yang dikelilingi oleh lautan kemiskinan. Marilah kita menumpukan segenap tenaga dan masa kita untuk mencapai matlamat ini.

Para perancang, pentadbir, penyelidik dan paling penting sekali, para pembuat keputusan kita, perlu memberi perhatian yang serius terhadap usaha membangunkan sebuah bandaraya yang terancang rapi. Tanah-tanah dalam bandar yang merupakan sumber paling kurang sekali, mestilah digunakan dengan betul. Ia mestilah digunakan mengikut kaedah perancangan yang rapi supaya memberi faedah kepada masyarakat dan alam sekitar secara keseluruhannya.

Adalah penting bagi kita di Kuala Lumpur menunjukkan contoh yang baik.

Pakar-pakar sosiologi bandar kadang kala menganggap bandaraya sebagai organisme hidup yang sensitif. Ia bukan sahaja membesar dan berkembang, tetapi juga melalui perubahan-perubahan berterusan di berbagai peringkat pembangunannya. Sebagai tempat kediaman, proses pertumbuhan dan perkembangan sesebuah bandaraya mestilah difahami sepenuhnya bagi membolehkan segala usaha ke arah perkembangannya di jalankan dengan cara yang paling cekap.


Sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, saya terlibat secara peribadi dalam segala urusan harian bandaraya ini, baik dari segi pengurusan dan perancangan ataupun dari segi pembangunan sebuah bandar dengan penduduk yang bertambah dengan pesat. Apabila kita merancangkan objektif dan membincangkan konsep, kita mengambil kira keperluan untuk mengekalkan imbalan yang sihat antara ciri-ciri fizikal, alam sekitar dan sosio ekonomi yang mempengaruhi perkembangan Kuala Lumpur.

Salah satu acara kemuncak tahun 1988, yang akan sentiasa dikenang dan dibanggakan, ialah penyertaan Kuala Lumpur dalam larian kebajikan secara besar-besaran bagi mengutip derma untuk kanak-kanak yang berkurang bernasib baik di seluruh dunia. Sport Aid '88 dalam bulan September lalu telah menimbulkan kesedaran beribu-beribu orang rakyat Malaysia dari segenap lapisan hidup. Ia menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengambil berat tentang masalah kanak-kanak yang dirundung malang.

Seramai lebih 50,000 orang telah berhimpun di tengah ibu kota pada sebelah pagi dan malam untuk menyertai 'Larian Mengajar Masa'. Antara pembesar-pembesar negara yang turut serta ialah Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, YABhg Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Karnival sempena acara tersebut telah dipancarkan secara langsung ke seluruh dunia.

Itulah kali pertama persembahan artis-artis Malaysia dipancarkan secara langsung ke seluruh dunia dan disaksikan oleh seramai lebih daripada 900 juta penonton. Karnival itu telah diadakan di Panggung Aniversari, Taman Tasik Kuala Lumpur.



Para pemilik dan pemaju tanah diberi berbagai insentif untuk berusaha ke arah pembangunan tempat tempat kediaman.

Dalam bulan September juga, bandaraya kita menjadi tumpuan beribus-ibus pelawat dari negeri-negeri di seluruh Malaysia dan para pelancong dari luar negeri yang mengambil kesempatan dari Malaysia Fest '88. Pesta selama dua minggu itu dimeriahkan oleh berbagai pameran, kegiatan dan persembahan kebudayaan.

Pesta tahun ini pasti lebih meriah lagi kerana ia akan merupakan pembuka tirai 'Tahun Melawat Malaysia: 1990'. Seramai 4.3 juta pelawat dijangka melancong ke negara kita pada tahun 1990, berbanding dengan seramai 3.3 juta pelancong dalam tahun 1988.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membantu usaha-usaha Kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi percutian. Kebanyakan projek-projek yang sedang dilaksanakan dan dirancang sekarang adalah bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih menarik lagi kepada pelancong.

Asas pembangunan bandaraya kita bergantung kuat kepada kemajuan dan perkembangan menerusi usaha-usaha gigih dan semangat penduduknya. Semangat perpaduan untuk mencapai matlamat bersama ini mesti diteruskan.

Kita mesti menguatkan semangat perpaduan dan muhibbah supaya kita dapat terus berkerjasama untuk faedah bersama. Ia pasti dapat mengukuhkan lagi jalinan persahabatan yang sedia ada antara penduduk bandaraya dan memupuk hubungan mesra. Marilah kita saling bantu-membantu antara satu sama lain dengan semangat persefahaman dan kerjasama ... Marilah kita berkerjasama demi kemakmuran Kuala Lumpur bandaraya kita. ●

